



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (79)

SIARAN MEDIA

MINGGU LAUT SEDUNIA 2026: INISIATIF PEMULIHARAAN MARIN DIPERKUKUH DI SELURUH NEGARA

PUTRAJAYA, 23 Jun 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (Jabatan Perikanan Malaysia) telah melaksanakan pelbagai program pemuliharaan marin sempena sambutan Minggu Laut Sedunia (World Ocean Week) 2026 yang berlangsung di beberapa lokasi di seluruh negara. Program ini melibatkan pelbagai aktiviti termasuk konservasi spesies marin, pemulihan habitat, pengurusan sisa marin, pengkayaan sumber perikanan serta pendidikan dan kesedaran awam berkaitan pemeliharaan ekosistem marin negara.

Pelaksanaan program ini turut melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti setempat. Pendekatan bersepadu ini selaras dengan usaha berterusan kerajaan dalam memperkukuh pengurusan sumber perikanan dan pemuliharaan biodiversiti marin secara mampan.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata usaha pemuliharaan marin memerlukan komitmen berterusan serta kerjasama pelbagai pihak, memandangkan ekosistem laut memainkan peranan penting dalam menyokong sumber perikanan, kesejahteraan komuniti pesisir pantai serta keseimbangan alam sekitar.

“Program yang dilaksanakan sempena Minggu Laut Sedunia ini memberi ruang untuk memperkukuh pelbagai inisiatif pemuliharaan yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bersama rakan strategik dan komuniti setempat. Setiap usaha yang dilaksanakan, sama ada dalam aspek pemulihan habitat, perlindungan spesies marin mahupun peningkatan kesedaran awam, merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan bagi memastikan kelestarian sumber dan ekosistem marin negara,” katanya.

Dalam aspek konservasi spesies marin terancam, sebanyak 790 ekor anak penyu termasuk penyu karah telah dilepaskan ke habitat semula jadi di Terengganu, Johor dan Melaka. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi menyokong pemuliharaan spesies marin yang dilindungi serta meningkatkan kelangsungan populasi penyu di perairan negara.

Bagi pemulihan habitat marin, sebanyak 3,750 benih karang generasi pertama telah ditanam di kawasan Terumbu Layang-Layang, Sarawak yang meliputi kawasan seluas 5,000 meter persegi. Selain itu, sebanyak 600 unit nubin karang telah dipasang di Pulau Redang bagi membantu proses pemulihan kawasan terumbu karang yang terjejas.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Usaha mengurangkan pencemaran marin turut dilaksanakan melalui aktiviti pembersihan kawasan pesisir dan perairan yang berjaya mengumpulkan sebanyak 841 kilogram sampah marin termasuk bahan berasaskan plastik, polistirena dan peralatan perikanan terbiar. Di Pahang, operasi khas turut dilaksanakan bagi mengeluarkan kira-kira 100 kilogram pukat hantu yang berpotensi mengancam hidupan marin.

Dalam usaha melindungi ekosistem terumbu karang, sebanyak 80 ekor Tapak Sulaiman Mahkota Duri yang dikenal pasti berpotensi memberi kesan kepada kesihatan terumbu karang telah dialihkan secara terkawal di perairan Rompin.

Jabatan Perikanan Malaysia turut meneruskan pelaksanaan Projek Benteng Biru melalui pemasangan 1,600 meter boya zon pemuliharaan ekosistem serta 37 unit boya penambat bot di Pulau Perhentian. Kemudahan ini bertujuan melindungi kawasan sensitif marin daripada kerosakan fizikal yang boleh menjejaskan habitat semula jadi.

Bagi menyokong kelestarian sumber perikanan, sebanyak 2,000 ekor benih ikan siakap telah dilepaskan di perairan Port Dickson menerusi program pengkayaan sumber perikanan.

Program pendidikan dan kesedaran awam yang dilaksanakan sepanjang sambutan Minggu Laut Sedunia 2026 turut melibatkan penyertaan lebih 300 peserta terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti setempat. Antara institusi dan organisasi yang terlibat ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Penang Green Council. Para peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti termasuk sesi pemantauan lapangan, taklimat berkaitan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] serta kempen pengurangan penggunaan plastik sekali guna.

Jabatan Perikanan Malaysia merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Aquaria KLCC, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti nelayan.

DOF akan terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif pemuliharaan marin secara berterusan melalui kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan pengurusan sumber perikanan dan ekosistem marin negara kekal terpelihara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan